



TAWARAN SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN
DI HUTAN LIPUR BUKIT MERTAJAM SEBERANG PERAI TENGAH**

SEBUT HARGA: JPNPP/400-17/2019/1

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI
PULAU PINANG**

Dokumen Sebutharga ini mengandungi **15** muka surat tidak termasuk lampiran. Pastikan bilangan muka surat adalah mencukupi sebelum anda meninggalkan pejabat ini.

KENYATAAN SEBUT HARGA

(Kew.248)

LAMPIRAN ' Q ' KERAJAAN MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG

SEBUT HARGA NO: JPNPP/400-17/2019/1

(Arahan Perbendaharaan No: 107)

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN

Kepada :

.....
.....
.....
.....
.....

Pelawaan Sebut harga
dikeluarkan oleh:
JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 20, MENARA KOMTAR
10000 PULAU PINANG

1. Sila beri sebut harga bagi perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Syarat-syarat serahan : Apabila kerja siap mengikut spesifikasi atau diluluskan oleh Pengarah Perhutanan Negeri atau wakilnya.
3. Tarikh dikehendaki diserahkan / sempurnakan : Secepat mungkin.
4. Pengirim : Alamatkan kepada Pengarah Perhutanan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri, Tingkat 20 Menara Komtar, 10000 Pulau Pinang.
5. Pembayaran : Melalui Inden Kerja.
6. Sebut harga mestilah sampai di alamat di atas tidak lewat daripada jam **12.00 tengahari** pada **15 Februari 2019** dan hendaklah sah selama 90 hari (sembilan puluh hari) selepas itu.
7. Sebut harga mestilah dimasukkan dalam sampul surat berlakri ditanda "Sebut harga no. **JPNPP/400-17/2019/1.**

Tarikh :

Nama :

Jawatan :

KOD SEBUT HARGA : JPNPP/400-17/2019/1

**SPESIFIKASI DAN TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR
PERKHIDMATAN KESELAMATAN DI HUTAN LIPUR BUKIT MERTAJAM
DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG**

TEMPOH PERJANJIAN

Kontraktor hendaklah dengan ini menjalankan perkhidmatan kawalan keselamatan tersebut untuk tempoh selama dua belas (12) bulan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan kemudian ini.

TUGAS – TUGAS

Dalam tempoh pengurusan, kontraktor hendaklah (tertakluk kepada arahan keseluruhannya daripada pemilik) menguruskan premis tersebut mengikut cara yang betul, cekap dan untuk faedah pemilik.

TUGAS BAGI KONTRAKTOR

Adakah menjadi tugas Kontraktor :-

1. TUJUAN

Mengadakan perkhidmatan Kawalan Keselamatan di kawasan Hutan Lipur sepertimana yang ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang

2. BUTIR-BUTIR PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN

2.1 Kawasan PERKHIDMATAN

Keseluruhan Kawasan Hutan Lipur Bukit Mertajam, Cherok Tok Kun, Seberang Perai Utara.

3. BIDANG TUGAS

3.1 Bidang tugas utama perkhidmatan kawalan keselamatan adalah seperti berikuit :-

- 3.1.1 Kontraktor adalah bertanggungjawab menyediakan Pengawal Keselamatan berpakaian seragam lengkap (tanpa senjata) yang cekap dan tegas bagi memastikan keselamatan nyawa harta benda penyewa/pelawat di Hutan Lipur Bukit Mertajam. Kawalan keselamatan yang maksima hendaklah diadakan 24 jam setiap hari cuti mingguan dan cuti umum serta 15 jam pada hari bekerja;
- 3.1.2 Segala kerosakan dan kehilangan terhadap harta benda pemilik di kawasan tersebut pada masa bertugas adalah dibawah tanggungan kontraktor;
- 3.1.3 Menjalankan segala bentuk tugas kawalan keselamatan yang diarahkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang dari masa ke semasa;

- 3.1.4 Membuka dan mengunci semula pintu-pintu pagar pada setiap hari;
- 3.1.5 Mencatat nama pemandu dan nombor kenderaan perdagangan samada kenderaan kerajaan/swasta yang berurusan di pejabat renjer dan sekitar kawasan Hutan Lipur Bukit Mertajam di dalam buku rekod keluar/masuk kenderaan;
- 3.1.6 Mencatat sebarang jenis kenderaan kerosakan dan kehilangan harta benda milik jabatan/penyewa ke dalam buku laporan harian dan melaporkan kepada Renjer Hutan Kawasan yang terlibat dalam rondaan;
- 3.1.7 Mengira dan mencatatkan jumlah anak kunci pagar yang diterima ketika mengambil alih tugas setiap hari ke dalam Buku Laporan Harian dan melaporkan segera sebarang kehilangan anak kunci kepada Renjer Hutan;
- 3.1.8 Mencatat laporan selepas membuat rondaan dalam bangunan dan sekitar kawasan berpagar dan luar pagar pada setiap satu jam ke dalam Buku Laporan Harian dan mengemukakan setiap pagi hari bekerja untuk semakan dan tandatangan Renjer Hutan;
- 3.1.9 Memeriksa dan memastikan semua lampu keselamatan di sekitar kawasan bangunan termasuk lampu limpah dan lampu jalan (*street light*) dinyalakan sepanjang malam dan ditutup semula menjelang pagi;
- 3.1.10 Bertanggungjawab memberi tunjuk arah dan penerangan asas serta kawasan larangan kepada orang awam dan pengguna-pengguna hutan pelajaran;
- 3.1.11 Memastikan perkara-perkara yang tidak dibenarkan seperti di papan tanda di Hutan Lipur Bukit Mertajam;
- 3.1.12 Buku Laporan Pengawal Keselamatan hendaklah diurus dengan baik dan dikemukakan kepada anggota bertugas untuk rekod lawatan setiap masa;
- 3.1.13 Sentiasa bekerjasama rapat dengan kakitangan jabatan dalam menjamin keselamatan pelawat/pengunjung; dan
- 3.1.14 Pelawat / kenderaan hanya dibenarkan masuk ke dalam Hutan Lipur Bukit Mertajam pada jam 7 pagi hingga 7 malam.
- 3.1.15 Melaporkan diri setiap kali hadir bertugas dan pulang bertugas di Pejabat Renjer Hutan Lipur Bukit Mertajam.

4. HARI DAN WAKTU BEKERJA

Hari dan jadual waktu bekerja adalah seperti berikut :-

- I. Isnin hingga Jumaat - 4.30 petang hingga 8.30 pagi
- II. Sabtu, Ahad dan Cuti Umum - 24 Jam

- * Laporan **PERTAMA** harus dihantar pada minggu pertama bulan berikutnya, **sebelum jam 4.30 petang**.

5. LAIN-LAIN ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR

Kontraktor dikehendaki menyediakan dua (2) orang pekerja ketika menjalankan kerja-kerja kawalan keselamatan di sekitar kawasan hutan lipur.

6. LAIN-LAIN TUGAS

TANGGUNGJAWAB KONTRAKTOR MENENTUKAN BAHAWA :-

6.1 Semua Pengawal Keselamatan mestilah :

- a) Terlatih, mahir dan berpengalaman dalam kerja-kerja perkhidmatan kawalan keselamatan;
- b) Warganegara Malaysia berumur antara 25 tahun hingga 55 tahun;
- c) Boleh menulis, membaca, sihat tubuh badan dan baik penglihatan;
- d) Berpakaian seragam lengkap dengan tanda nama;
- e) Dibekalkan dengan alat tulis, jam kunci kawalan, cotar, wisel, lampu picit, baju hutan dan lain-lain;
- f) Bersikap, jujur, amanah, bersopan santun, berdisiplin dan bertanggungjawab; dan
- g) Bebas dari rekod jenayah.

6.2 Kontraktor dikehendaki melantik seorang Penyelia untuk mengawasi kerja-kerja yang dijadualkan dan mewujudkan seorang pegawai atasan untuk membuat lawatan/pemeriksaan pada tiap-tiap hari dalam memastikan mutu perkhidmatan kawalan keselamatan dan tatatertib pengawal keselamatan sentiasa pada tahap memuaskan.

6.3 Mutu perkhidmatan yang dilaksanakan hendaklah memuaskan dan hanya Sah dengan perakuan oleh Renjer Hutan berkenaan selaku pegawai yang diberi kuasa oleh Pengarah perhutanan Negeri Pulau Pinang.

6.4 Kontraktor dikehendaki mengemukakan setiap awal bulan **Jadual Kerja Bulanan** bagi pengawal keselamatan yang akan ditempatkan di Hutan Lipur kepada pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang.

6.5 Kontraktor dikehendaki menyediakan Buku Kedatangan Bertugas dan Buku Laporan Harian serta Buku Catatan Kenderaan untuk catatan harian pengawal keselamatan.

7. TEMPOH PERKHIDMATAN

- 7.1 Tempoh perkhidmatan adalah selama dua belas (12) bulan dan boleh dilanjutkan selama satu (1) tahun lagi berdasarkan kepada prestasi keseluruhan perkhidmatan.
- 7.2 Kontrak yang ditandatangani boleh dibatalkan pada bila - bila masa jika didapati kontraktor tidak berminat dan memberikan perkhidmatan yang tidak memuaskan dengan tiga (3) bulan notis.

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG

Sebut harga Untuk : **SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI HUTAN LIPUR BUKIT MERTA JAM SEBERANG PERAI TENGAH**

Sebut harga No : **JPNPP/400-17/2019/1**

Kami/saya dengan ini menawarkan perkhidmatan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat/ spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak yang telah ditetapkan dengan harga seperti berikut:

TEMPOH	BILANGAN PENGAWAL	PENGIRAAN MENGIKUT JAM BEKERJA 1 JAM = RM.....SEORANG	JUMLAH HARGA (RM)
1	Dua (2) orang pengawal keselamatan bertugas setiap hari bekerja dari jam 4.30 petang hingga 8.30 pagi	16 Jam bekerja X 1 orang X kadar satu jam X 20.5 hari 8 Jam bekerja X 1 orang X Kadar satu jam X 20.5 hari	
2	Bertugas syif pada hari Sabtu, Ahad dan cuti umum	24 Jam bekerja X 1 orang X kadar satu jam X 10 hari 8 Jam bekerja X 1 orang X kadar satu jam X 10 hari	
JUMLAH KECIL			
JUMLAH HARGA TAWARAN BAGI TEMPOH SATU (1) BULAN UNTUK 2 ORANG PENGAWAL KESELAMATAN			
JUMLAH HARGA TAWARAN BAGI TEMPOH MULAI 01 MAC 2019 HINGGA 29 FEBRUARI 2020 UNTUK 2 ORANG PENGAWAL KESELAMATAN			

JUMLAH KESELURUHAN :

RINGGIT MALAYSIA :
.....

(Jumlah Keseluruhan harga sebulan X 12 Bulan)

.....
Tandatangan

Metri atau Cop Syarikat

Saya yang bertandatangan dibawah dengan ini faham dan bersetuju menerima syarat-syarat / spesifikasi kerja dan syarat-syarat kontrak seperti yang dinyatakan di atas.

.....
(Tandatangan kontraktor)

Nama :

Alamat :
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

No. Telefon Pejabat : No. Telefon Bimbit :

.....
(Tandatangan Saksi)

Nama :

Alamat :
.....
.....

No. Kad Pengenalan :

SURAT AKUAN PEMBIDA
Bagi

**(JPNPP/400-17/2019/1 : SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN
KESELAMATAN DI HUTAN LIPUR BUKIT MERTAJAM
SEBERANG PERAI TENGAH)**

Saya,.....nombor K.P.
.....yang mewakili
..... nombor Pendaftaran
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau
mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah
kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang atau mana-mana
individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/ sebut harga* seperti di atas.
Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti
tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

a) Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Perhutanan Negeri
Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga
seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

1. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebut harga* di atas; atau
2. penamatan kontrak bagi tender/ sebut harga* di atas; dan
3. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

2. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam
tender/ sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan
perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis
yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. KP:

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Kontraktor adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:-

- (a) Harga dan tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga,
- (b) Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga,
- (c) Senarai Kerja Dalam Tangan,
- (d) Jadual Kadar Harga (jika ada),
- (e) Butir-butir Spesifikasi (jika ada).

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Kontraktor hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- (a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga [JPHNPP/400-17/2019/1](#) serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

- (b) Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan.
- (c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Kontraktor boleh menghubungi Pegawai Inden untuk penjelasan lanjut.

3. TEMPOH SIAP KERJA *

Kerja ini hendaklah disiapkan dalam tempoh tidak melebihiminggu.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA +

Dokumen Sebut Harga ini dijual dengan harga RM 10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Sahaja).

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama Sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

* Hendaklah diisi oleh Pegawai Mengurus Sebut Harga

* Pengiraan harga dokumen sebut harga hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan bagi bayaran dokumen tender menerusi SPP yang terkini.

BORANG SEBUT HARGA KERJA

Sebut Harga Bil **JPNPP/400-17/2019/1**

JABATAN PERHUTANAN
NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 20, MENARA KOMTAR
10000 PULAU PINANG

Tuan,

Sebut harga untuk

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penyebut Harga Syarat-syarat Am Sebut Harga, Spesifikasi Kerja dan pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk melaksanakan dan menyiapkan kerja kerja tersebut bagi jumlah harga pukal sebanyak Ringgit Malaysia:(RM).....).

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam masa minggu dari tarikh akhir tempoh mula kerja seperti yang diarahkan oleh Pegawai Inden.

Bertarikh padaharibulan.....20.....

.....

Tandatangan Kontraktor

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

.....

.....

Atas sifat:.....

.....

Meterai atau Cap Kontraktor

.....

Tandatangan Saksi

Nama Penuh:.....

No. K/P:.....

Alamat:.....

.....

.....

LAMPIRAN B**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)**

Sila tandakan ☐ Bagi Dokumen-Dokumen Yang Disertakan

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh syarikat	Untuk di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut Harga
1	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan)	☐	☐
2	Salinan Sijil Akuan Bumiputra Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan)	☐	☐
3	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan /Perkhidmatan)	☐	☐
4	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	☐	☐
5	Salinan Sijil Taraf Bumiputra Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)	☐	☐
6	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB	☐	☐
7	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan ditandatangani	☐	☐
8	Borang Maklumat Penyebut harga	☐	☐
9	Pematuhan Kepada spesifikasi	☐	☐
10	Borang Penyerahan Contoh dan Katalog (jika berkaitan)	☐	☐
11	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)	☐	☐
12	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)	☐	☐

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh syarikat	Untuk di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka sebut Harga
13	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (Nov, Dis, & Januari)	☐	☐
14	Surat Akuan Pembida	☐	☐
15	Lain-lain Sekiranya Ada	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada). Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:



**KENYATAAN SEBUT HARGA
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PULAU PINANG**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat Kawalan Keselamatan yang berpengalaman, berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia serta bertaraf Bumiputera di bawah kod bidang **Kawalan Keselamatan (220801)** untuk memasuki dari **Seberang Perai Tengah Sahaja** dan masih dibenarkan membuat sebut harga buat masa ini untuk melaksanakan kerja-kerja berikut:-

Bil	No. Sebutharga	Perihal Kerja :	Taklimat/Tarikh/Masa/Tempat
1	JPNPP/400-17/2019/1	SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI HUTAN LIPUR BUKIT MERTAJAM SEBERANG PERAI TENGAH	Tarikh : 01 Februari 2019 (Jumaat) Masa : 10.00 pagi Tempat : Pejabat Renjer Hutan SPU/SPT Hutan Lipur Bukit Mertajam, Pulau Pinang

2. Syarikat-syarikat yang berminat dikehendaki menghadiri satu taklimat dan lawatan tapak mengikut jadual di atas serta mengemukakan **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Lawatan tapak perlu dihadiri oleh pihak pengurusan atasan syarikat pembida. **Seorang pembida hanya boleh mewakili satu (1) syarikat sahaja.**
3. Dokumen sebut harga boleh dibeli melalui Laman Web **<http://ep.penang.gov.my>** dengan senaskah berharga **RM 10.00** (Ringgit Malaysia : Sepuluh Sahaja) mulai **04/02/2019 (Isnin)**.
4. Sebutharga ini akan ditutup pada **15 Februari 2019 (Jumaat)**. Borang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Tingkat 20, Pejabat Perhutanan Negeri Pulau Pinang sebelum 12.00 Tengahari.**
5. Pejabat Perhutanan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran.
6. Borang Sebut Harga hendaklah **diisi dengan lengkap dan terang.**
7. Borang Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
8. Pembida yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak bagi menjalankan perkhidmatan berkenaan.
9. Sebutharga bagi perkhidmatan yang disenaraikan dibawah tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang ditetapkan seperti dalam perjanjian.
10. Sebarang penjelasan atau pertanyaan boleh dikemukakan kepada pihak jabatan seperti berikut :-

**Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 20, Menara KOMTAR, 10000 Pulau Pinang
Tel : 04-6505250 Fax : 2636335**